



Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

KELUARAN Februari 2007
Bil. 7

UNTUK ANGGOTA SAHAJA

www.tunasmuda.com.my

Buletin Tunas Muda

Sokongan Anggota Resipi Kecemerlangan

>> oleh: Muzirah Tajudin

Kecemerlangan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) telah dibuktikan dengan perkhidmatannya kepada anggota-anggota. Diantaranya adalah peruntukan rumah percuma kepada anggota sehingga berakhir tahun 2006 sebanyak 1014 anggota yang telah mendapat peruntukan. Pemberian dividen kepada anggota yang layak tidak kurang dari 10 peratus setiap tahun serta perlindungan insuran berkelompok kepada anggota-anggota selain khairat kematian sebanyak RM2500. Kebajikan anak-anak anggota juga diutamakan yang mana anak-anak anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi diberi bantuan biasiswa setahun sebanyak RM3000 (dalam negeri) dan RM4000 (luar negara) dan dermasiswa sebanyak RM500 setiap orang. Disamping itu juga anggota-anggota mendapat elaun kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan sebanyak RM300.

Apa yang diimpikan telah menjadi kenyataan sejak pembukaannya pada tahun 1966, KTMSAB telah membuktikan sebagai koperasi contoh dalam bidang perumahan melalui anugerah-anugerah yang diperolehi dan diantaranya Anugerah Khas Aktiviti Perumahan Peringkat Nasional sempena Hari Koperasi Negara 2005. Kejayaan KTMSAB dalam sektor hartanah terus dikembangkan melalui anak-anak syarikatnya dimana Sri Tunas Sdn Bhd yang terbabit sebagai kontraktor pembinaan telah mendapat kerja pembinaan kelas 'A' PKK dan Sri Tunas Harta Sdn Bhd bertindak sebagai pengurus projek dan hartanah. KTMSAB juga mempunyai sebuah anak syarikat Sri Tunas Edar Sdn Bhd yang terbabit dalam niaga dagang.

Keupayaan dan kematangan yang dimiliki koperasi itu, menggunakannya untuk memberi sokongan dan bantuan dengan memaju dan meningkatkan taraf ekonomi anggota dan keluarga serta masyarakat setempat dengan menyediakan skim perumahan yang berkualiti.

Aset yang dimiliki oleh KTMSAB ketika ini sebanyak RM984 juta, banyak kemudahan boleh disediakan di atas kejayaan mengurus aktiviti hartanah. Namun apa yang dimiliki tidak kurang susahnya tetapi kerana semangat kerjasama di kalangan anggota terdahulu, bersatu padu menjadi 'resipi' kejayaan KTMSAB.

Pengerusinya Rahim Osman berkata "Bagi memastikan KTMSAB terus berkembang dan kekal sebagai pemaju hartanah, koperasi telah menyediakan perancangan selama lima tahun mulai tahun 2006 hingga 2010". Ini termasuklah menambah jumlah aset bank tanah kepada Koperasi selain menerokai peluang perniagaan dan memajukan tenaga kepakaran sedia ada.

Di antara objektif bajet 2007 KTMSAB adalah meneruskan penyediaan baki peruntukan percuma anggota sebanyak 320

peruntukan rumah percuma, mengenal pasti dan menerokai peluang perniagaan dan pekerjaan di kalangan anggota dan keluarga anggota terutamanya dalam mempelbagaikan aktiviti perniagaan di Koperasi dan anak-anak syarikat.

Menambahkan bank tanah dengan peruntukan tidak kurang dari RM 1 juta untuk tujuan



>> Mohd Kamil Rahim (BH)

Perancangan Berterusan: Rahim Osman menunjukkan pembangunan di Sungai Tiram.

pembelian tanah, mencapai keuntungan Koperasi tidak kurang dari RM10 juta, memperkukuhkan pembangunan dan latihan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap berkemahiran teknikal, berkemahiran berfikir yang tinggi supaya lebih produktif dan berpengetahuan.

Memastikan urustadbir yang baik iaitu nilai-nilai dan corak pemikiran pengurusan koperasi supaya lebih komited, integriti, keikhlasan dan kejujuran serta kesediaan menerima prinsip-prinsip akauntabiliti, ketelusan, perundingan dan demokrasi.

Berdasarkan kepada kemampuan dan kejayaan KTMSAB juga turut memperoleh kontrak untuk membangunkan projek usaha sama dengan tiga koperasi lain termasuk dua di Kedah dan satu di Pulau Pinang.

Bagaimanapun kesemua perancangan tersebut berjaya dilaksanakan disebabkan oleh sokongan berterusan anggota kepada barisan lembaga anggota dan kerjasama di kalangan anggota.

Lembaga dan Pengurusan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mengucapkan **Selamat Tahun Baru Cina** kepada semua anggota Koperasi.



Apakah Harta Pusaka Kecil

Tatacara Pembahagian Harta Pusaka Kecil

>> oleh: Saidin Ab. Hamid

Harta pusaka kecil ialah harta yang ditinggalkan oleh simati yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- a) simati tidak meninggalkan wasiat
- b) harta itu terdiri daripada:
 - (i) Harta tak alih/Tanah sahaja atau,
 - (ii) Harta tak alih / tanah dan harta alih seperti wang tunai, saham, KWSP, ASN, ASB dan sebagainya; dan
- c) Jumlah nilai harta itu hendaklah tidak melebihi RM600,000.00 pada tarikh permohonan dibuat.

Tatacara Pembahagian Harta Pusaka Kecil

- A. Sijil Faraid
- B. Perintah Pembahagian

Sijil Faraid

Sijil faraid boleh di Mahkamah Tinggi Syariah dengan mengisi borang yang disediakan serta mengemukakan salinan sijil kematian serta kad pengenalan waris-waris simati yang sah. Pemohon juga perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang menunjukkan harta alih/tak alih milik simati. Bayaran yang dikenakan ialah sebanyak RM10.00.

Perintah Pembahagian

Cara membuat permohonan pembahagian harta pusaka kecil (Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil).

1. Permohonan dibuat menggunakan **Borang A** yang boleh didapati secara percuma di Pejabat Tanah dan Daerah.
2. Setiap permohonan mestilah disertakan dengan:-
 - a) Bukti kematian seperti sijil kematian/permit menguburkan, atau, Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, tragedi 13 Mei 1969, dan perintah ini hanya boleh didapati selepas 7 tahun dari tarikh berlakunya kejadian.
 - b) Dokumen harta tak alih-salinan hakmilik diakui sah oleh Pejabat Tanah dan perakuan Carian Rasmi yang menunjukkan pegangan harta tak alih simati atau perjanjian jual-beli atau peruntukan anggota bagi rumah yang belum ada hakmilik berasingan.
 - c) Salinan dokumen harta-harta alih seperti salinan sijil saham, salinan buku akaun simpanan, salinan penyata KWSP dan sebagainya (jika ada).

Siapakah Yang Layak Memohon

Di antara mereka yang layak memohon adalah waris-waris simati seperti balu lelaki atau perempuan, anak-anak laki-laki atau perempuan, ibu atau bapa, Majlis Agama Islam (Baitumal), Amanah Raya Berhad dan sebagainya.

Dimanakah Permohonan Dikemukakan

Di Pejabat Pembahagian Pusaka / Pejabat Tanah dimana harta tak alih simati terletak. Sekiranya simati mempunyai tanah di banyak tempat samada di dalam negeri yang sama atau negeri yang berlainan permohonan hendaklah dikemukakan di satu tempat sahaja. Pentadbir Tanah bagi daerah yang mempunyai nilai yang tinggi akan mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes tersebut.

Menghadiri Perbicaraan

Semua dokumen **ASAL** seperti bukti kematian, hakmilik tanah, kad pengenalan, surat beranak, surat nikah, bukti-bukti harta alih dan dokumen yang difikirkan perlu hendaklah dibawa semasa perbicaraan.

Semua pihak yang diminta hadir adalah dikehendaki hadir pada hari perbicaraan. Mana-mana waris yang tidak dapat hadir bolehlah mengemukakan surat akuan persetujuan yang ditandatangani di hadapan Pentadbir Tanah, Majistret atau Persuruhjaya Sumpah. Sila nyatakan cara pembahagian yang dikehendaki dengan jelas. Surat akuan persetujuan boleh didapati di semua unit pembahagian pusaka Pejabat Tanah.

Cara Harta Pusaka Kecil Di Bahagikan

Pembahagian adalah mengikut Hukum Syarak(Sijil Faraid) bagi orang Islam. Bagi bukan Islam, pembahagian adalah mengikut Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).

Pembahagian secara mufakat boleh dilaksanakan jika semua waris yang berhak mewarisi harta pusaka simati bersetuju.

Jangkamasa Memproses Sesuatu Tuntutan

Jangkamasa minima memproses sesuatu tuntutan kes biasa adalah dalam tempoh 41/2 bulan. Bagi kes yang melibatkan kematian berlapis dan harta berada di dalam daerah yang berlainan jangkamasa proses mungkin melebihi tempoh minima.

Rayuan Terhadap Perintah

Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan perintah pembahagian yang telah dibuat hendaklah membuat rayuan melalui pentadbir Tanah ke Mahkamah tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah itu dibuat (Seksyen 29 Akta & Peraturan 10, Peraturan Harta Pusaka Kecil 1955).

Permohonan Seterusnya (Seksyen 17 Akta)

lanya adalah satu permohonan yang dibuat selepas permohonan awal diselesaikan. Permohonan seterusnya dibuat dalam keadaan-keadaan berikut:-

- i) Ada harta yang tertinggal di dalam permohonan awal;
- ii) Apabila perlu melantik seorang pemegang amanah yang baru;
- iii) Apabila perlu melantik seorang pentadbir yang baru;
- iv) Untuk membatalkan suratkuasa tadbir dan pembahagian dibuat terus kepada waris simati;

Permohonan ini boleh dibuat menggunakan **Borang P**.

Bayaran-bayaran Yang Dikenakan

- a) Bayaran pendaftaran:-
 - i) **RM10.00** bagi pendaftaran baru (Borang A)
 - ii) **RM10.00** bagi permohonan seterusnya (Borang P)
- b) Bayaran selepas perbicaraan
 - i) RM10.00 bagi bayaran perintah
 - ii) Duti Harta pusaka – jika ada akan ditentukan di akhir perbicaraan mengikut nilai harta tarikh mati. Jumlah yang dikenakan tertakluk kepada peruntukan dibawah akta Duti Harta Pusaka 1941.
 - iii) Bayaran mendaftarkan perintah dalam hakmilik tanah (geran) jumlahnya mengikut peraturan-peraturan tanah negeri.

Sekiranya ada rayuan ke Mahkamah Tinggi bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:-


- a) **RM50.00** bagi bayaran rayuan
- b) **RM1,500.00** bagi bayaran pertaruhan rayuan (deposit)

Penerangan ini adalah penerangan ringkas sahaja. Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah dan ingin mendapatkan keterangan lebih lanjut sila berhubung dengan unit pembahagian pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang berhampiran.

Tatacara Mendapatkan Kelulusan Pelan Bangunan

>> oleh: Saidin Ab. Hamid

Carta alir di bawah ini adalah merupakan proses untuk mendapatkan pelan bangunan. Harap maklum bahawa segala kos penyediaan pelan bangunan untuk rumah yang akan dibina di atas tapak peruntukan perlu dibiayai oleh anggota.



Bersihkan Jejak Di Internet

>> oleh: Haadi Rahman Safian


Terdapat pelbagai cara untuk menetapkan ciri keselamatan ketika menggunakan internet seperti mengenkrip e-mel, menutup perkongsian fail dan memasang firewall. Kesemua ini boleh mengagalkan sebarang percubaan untuk menyeludup masuk ke maklumat peribadi anda menerusi internet.


Terdapat banyak sebab mengapa jejak di internet harus dibersihkan dan antaranya ialah untuk mengelakkan rahsia anda terbongkar contohnya rancangan percutian bersama keluarga. Atau anda juga sedang menyimpan maklumat penting syarikat yang ditugaskan kepada anda.

Kebanyakan laman web meletakkan fail kecil yang dinamakan cookies ke dalam PC anda. Cookies biasanya membantu laman web untuk mengingatkan anda dan sebarang spesifikasi peribadi anda semasa anda melayari laman web tertentu. Selain itu cookies juga sedikit sebanyak dapat mempercepatkan proses pelayaran internet anda. Namun begitu, sesiapa sahaja boleh mencari sebarang maklumat atau sejarah pelayaran web anda jika mereka pergi ke folder Cookies, Temporary Internet Files atau History di dalam PC anda.

Untuk membuang kesemua maklumat cookies, history dan fail kecil dari internet yang lain, klik pada start dan kemudian click Run. Taip **C:\Documents and Settings\user\Cookies**. Folder cookies akan dipaparkan dan anda boleh membuang semua fail-fail cookies yang berada di dalam folder tersebut. Cara yang sama juga boleh digunakan untuk membuang Temporary Internet Files dan History. Untuk membuang Temporary Internet Files, taip **C:\Documents and Settings\user\Local Settings\Temporary Internet Files**. Untuk membuang History pula, taip: **C:\Documents and Settings\user\Local Settings\History**. Perkataan user pada alamat di atas adalah mengikut nama yang telah digunakan pada akaun pengguna tersebut.

Dengan langkah-langkah yang disebutkan di atas, jejak anda di internet sentiasa kekal sebagai hak peribadi dan tidak boleh diketahui oleh pihak yang lain. Keselamatan data dan maklumat juga adalah sangat penting bagi sesuatu organisasi.





Pelan Lantai



Pelan Lokasi

Spesifikasi Bangunan

- | | |
|------------------|---|
| Cecucuk | Konkrit Tetulang |
| Struktur | Kerangka Konkrit Tetulang |
| Dinding | Batu-bata Blok |
| Bumbung | Bumbung Genting Konkrit (Tingkat Atas Sahaja) |
| | Siling 'SkimCoat' (untuk Tingkat Bawah – Tingkat 10) |
| | Kepingan Bebas Asbestos Kelas 'O' (untuk Tingkat Atas) |
| Pintu | Pintu Utama – Pintu kayu berhias-bingkai besi |
| | Pintu bilik mandi/tandas – Pintu UPVC – Bingkai besi |
| Tingkap | Tingkap Panel Kaca Berbingkai – Bingkai aluminium |
| | Tingkap ram kaca – bingkai besi |
| Kemasan Lantai | Ruang tamu – Jubin Seramik Tempatan |
| | Ruang makan – Jubin Seramik Tempatan |
| | Dapur – Jubin Seramik Tempatan |
| | Bilik Tidur – Jubin Seramik Tempatan |
| | Bilik Mandi / Tandas – Jubin Seramik Tempatan |
| | Jemuran – Jubin Seramik Tempatan |
| | Dapur – Jubin Seramik Tempatan sehingga 5'0" tinggi |
| | Bilik Mandi - Jubin Seramik Tempatan sehingga 7'0" tinggi |
| | Lain-lain - 'SkimCoat' dan cat |
| Kemasan Dinding | Mata paip - 5 nos |
| | Tandas Duduk - 2 no. |
| | Bersin Basuh Tangan - 2 no. |
| | Pancuran Mandi - 2 no. |
| | Besin keluli tahan karat - 1 no. |
| | Mata lampu - 12 nos. |
| | Mata kuasa 13 Amp - 8 nos. |
| | Mata Kipas & Cangkuk - 2 nos. |
| | Mata Telefon - 1 no. |
| | Mata TV - 1 no. |
| Kemasan Sanitari | |
| Kemasan Elektrik | |

- | | |
|-------------------------------|---------------------------------|
| No. lesen Pemaju | 9307-4/07-2011/641 |
| Tempoh Sah | 3 Julai 2006 - 2 Julai 2011 |
| No. Permit Iklan | 9307-4/1843/2007 (9) |
| Tempoh Sah | 11/9/2006 - 10/9/2007 |
| No. Kelulusan Pelan Bangunan | 43690 (LB) |
| Tarikh Lulus | 27/7/2005 |
| No. Kelulusan Pelan Merancang | JPB/PM/3496 (LB) |
| Tarikh Lulus | 18/12/2002 |
| Kelulusan Pihak Berkuasa | Majlis Perbandaran Pulau Pinang |
| Hak Milik Tanah | Kekal |
| Tarikh Jangka Siap | Jun 2009 |
| Bebanan Tanah | Tiada |



Pemaju / Developer
KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD
 No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda,
 Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
 Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507



Project Management Company
SRI TUNAS HARTA SDN. BHD.
 anak Syarikat / Subsidiary Company
KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

*Anda perlukan kediaman?
 Kami mampu merealisasikan.....
 Sila Hubungi : 04-646 1225*

>> oleh: Farahanah Ismail

Tunas Damai

Pangsapuri 12 Tingkat (170 unit) • (750 kaki persegi)

RM 135,000.00

Ke atas



Info Pembangunan

>> oleh: Farahanah Ismail

Pagar Buloh Fasa 2



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Mengandungi 89 lot sebagai peruntukan anggota. 35 unit rumah sesebuah dua tingkat, 28 rumah berkembar dua tingkat, 24 unit rumah berkembar setingkat dan 2 lot tapak. Sehingga kini kemajuan pembangunan sehingga bulan Jan 2007 adalah lebih kurang 96 %. Projek ini dijangka akan disiapkan pada pertengahan bulan Feb 2007 seterusnya untuk tindakan kelulusan bangunan (O.C) sebelum pertengahan tahun.

Projek Tunas Damai (Rumah Teres 2 Tingkat)



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Projek ini mempunyai pembangunan bercampur iaitu salah satunya adalah rumah teres 2 tingkat sebanyak 164 unit. Sehingga kini kemajuan pembangunan adalah 100%. Rumah ini sedang dalam proses untuk diserahkan kepada Koperasi Tunas Muda Sg Ara Bhd oleh pihak kontraktor iaitu Sri Tunas Sdn Bhd.

Projek Tunas Damai (Rumah Pangsa Kos Rendah)



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Rumah Pangsa Kos Rendah sehingga kini kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 45 %. Rumah ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Anak-anak anggota yang berdaftar dengan kerajaan negeri akan diutamakan untuk membeli rumah pangsa kos rendah tersebut.

Projek Tunas Damai (Rumah Pangsapuri Kos Sederhana)



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Rumah Pangsapuri Kos Sederhana 12 tingkat sehingga kini kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 20 %. Pembangunan ini memperuntukkan 170 unit peruntukan kepada anggota (2 unit untuk 85 anggota)

Projek Tunas Damai (Rumah Kedai dan Kedai Pejabat)



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Rumah Kedai dan Kedai Pejabat sebanyak 30 unit sehingga kini kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 35 %.

Projek Jalan Tengah Fasa 7 A



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Projek Sedang Dilaksanakan

Sehingga kini kemajuan kerja di tapak adalah lebih kurang 20% kerana terdapat 3 unit rumah yang menghalang tapak kemajuan. Pembinaan Projek Jalan Tengah Fasa 7A Sungai Ara yang mempunyai 22 unit rumah teres untuk anggota.

Sana-Sini

>> oleh: Siti Aishah Bt Shaffie



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Syukur...

Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil Dan Doa Selamat Serta Pemberian Sumbangan Kepada Majlis Dan Surau Sempena Bulan Ramadhan 1427 Hijrah Dan Majlis Berbuka Puasa Telah Diadakan Pada 6 Oktober 2006 Di Pejabat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Perihatin...

Sumbangan derma kepada Fakir Miskin telah diadakan pada 19 Oktober 2006 bersamaan 26 Ramadhan 1427H.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Lihat-Lihat...

Lawatan Sambil belajar oleh ahli Jawatankuasa Penyelaras Koperasi Peringkat Negeri Sembilan seramai 30 orang telah diadakan pada 8 November 2006.



>> Muhamad Non Hashim

Legaa...

Taklimat status kemajuan projek kepada penduduk di Sungai Tiram di Balai Raya JKK Kali Ke 3 pada 25 November 2006.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Belajar...

Seminar Pendidikan Anggota telah dijalankan di pejabat KTMSAB pada 16 Dis 2006 (1hari) anjuran bersama Maktab Kerjasama Malaysia (MKM).

Pendidikan

Program Latihan MKM Bagi Bulan Februari Hingga Mac 2007

>> oleh: Sazwani Sabdin

IDB 290 Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Ahli Jawatankuasa Kecil Koperasi Kakitangan Pengurusan Koperasi Usahawan/Individu yang berminat	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengenal pasti konsep sistem pajak gadai Islam berbanding dengan sistem konvensional 1.2 mengaplikasikan sistem pajak gadai Islam dalam koperasi sebagai salah satu aktiviti koperasi.	12/02 – 14/02/2007 (3 hari)
IDB 723 Keusahawanan Dalam Perniagaan Mi dan Kuetiau	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus Koperasi Kakitangan Koperasi Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi Anggota koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan mi dan kuetiau menggunakan teknologi/kaedah pemprosesan secara komersial. 1.2 Pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitari pengeluaran mi dan kuetiau. 1.3 memahami konsep pengurusan, perniagaan dan pemasaran mi dan kuetiau secara komersial. 1.4 membentuk cadangan perniagaan mi dan kuetiau secara komersial	26/02 – 28/02/2007 (3 hari)
IDC 802 Bengkel Jati Diri Pemimpin	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Pengurus Koperasi kakitangan Kanan Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat	Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengenal bakat dan kemampuan diri sebagai pemimpin. 1.2 membangunkan ketahanan diri dalam persekitaran kerja yang kompleks. 1.3 memperolehi keseronokan bekerja 1.4 membina keyakinan diri	26/02 – 28/02/2007 (3 hari)
IDB 721 Keusahawanan Dalam Bidang Penternakan Lembu Pedaging	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Kecil yang terlibat dalam penyediaan perniagaan koperasi Pengurus Koperasi Anggota Koperasi Individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengenal pasti sistem-sistem pengeluaran dan pengurusan yang sistematik untuk menternak lembu pedaging 1.2 pendedahan mengenai kaedah pembiakan kawalan kesihatan dan pemakanan lembu pedaging 1.3 memahami konsep pengurusan, perniagaan dan pemasaran lembu pedaging secara komersial. 1.4 membentuk cadangan perniagaan daging lembu secara komersial	05/03 – 08/03/2007 (4 hari)
IDC 801W Bengkel Membina Kemahiran Kepimpinan (Khas Wanita)	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi AJK Kecil Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi Pemimpin Pelapis Anggota Koperasi & individu yang berminat	Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 mencungkil sifat-sifat kepimpinan dikalangan pemimpin koperasi 1.2 membina kemahiran kepimpinan koperasi di kalangan pemimpin-pemimpin koperasi.	05/03 – 07/03/2007 (3 hari)
IDB 701 Asas Keusahawanan Koperasi	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Jawatankuasa Kecil Perniagaan Anggota Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi Individu yang berminat	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengetahui, memahami dan sekaligus menerapkan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan dalam menggerakkan perniagaan koperasi	12/03 – 15/03/2007 (4 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-6438515.

Ketua Pengarang Encik Mazalan Bin Nan

Pengarang Encik Mohd Hilmi B. Rashid

Grafik Encik Mohd Hilmi B. Rashid

Pemberita Encik Saidin B. Ab. Hamid / Encik Haadi Rahman B. Safian (Pelajar Praktikal)

Puan Farahanah Bt. Ismail / Cik Muzirah Bt. Tajudin / Cik Siti Aishah Bt Shaffiee

Cik Sazwani Bt. Sabdin / Cik Munirah Bt Rahim (Pelajar Praktikal)

Jurugambar Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

Percetakan / Penedaran Puan Hajjah Che Maimunah Bt Kassim

Sidang Pengarang

Pembangunan Perniagaan

Mewujudkan Pusat Penyelenggaraan Kenderaan >> oleh: Munirah Rahim

Koperasi bercadang untuk mewujudkan sebuah Pusat Selenggaraan kenderaan setempat. Cadangan pembinaan Sebuah Pusat Penyelenggaraan Kenderaan akan diwujudkan berhampiran dengan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada tahun ini. Antara objektif utama pusat ini ialah:

- 1) Menempatkan pengusaha selenggaraan kenderaan secara berpusat
- 2) Menyediakan dan mewujudkan tempat perniagaan yang lebih baik supaya dapat membantu menjana ekonomi pengusaha dalam bidang automotif.
- 3) Menambah nilai ke atas tawaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengusaha sediaada

Jika Berminat, sila hubungi Puan Arizan. Tel: 04-6438515 (Waktu Pejabat)

Jambangan Bunga

Mulai Januari, 2007, anggota Koperasi yang mendapat rawatan perubatan dan penghospitalan akan menerima jambangan bunga daripada Koperasi, sekali sahaja setahun.

BANTUAN KEBAJIKAN AM (KHAIRAT KEMATIAN) TAHUN 2006 RM2,500.00 SEORANG

>> oleh: Sazwani Sabdin

AL-FATIAH / TAKZIAH

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL
1	ZAKARIA BIN NAYAN	1442	57	13.10.2006
2	KAMIS BIN TAIB	1802	55	25.10.2006
3	ABDULLAH BIN MOHD DESA	2467	57	17.11.2006
4	FATHUMA BEE BINTI LATHIFF	1165	78	16.11.2006
5	HARUN BIN YAHAYA	0828	77	11.12.2006
6	BEDAH BINTI PUTEH	1155	78	12.12.2006
7	GOH AH LIAN	1418	68	08.10.2006
8	YONG NYONG HUAT	1598	53	8.10.2006
9	YEOH THOR SIEW	0570	83	8.11.2006
10	GOH SIH TIAN	0654	72	15.10.2006
11	TAN TUAH PHOON	0410	78	25.11.2006

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama No.Anggota

No.Kad Pengenalan No.Telefon

Alamat Baru

Tandatangan Tarikh